



LALUAN di Jalan Ion Delemen yang tersekat akibat tanah runtuh.

200 terperangkap

Tanah runtuh di Genting Highlands akibat hujan lebat

Oleh Khairul Najib
Asarul Khan
khairul.najib@ns-
tp.com.my



Kejadian tanah runtuh itu menutupi keseluruhan laluan menuju ke hotel dan pangsapuri terbabit

Yusri Abdullah Sani

Kuala Lumpur

Kira-kira 200 kakitangan dan penghuni sebuah hotel serta sebuah pangsapuri terperangkap akibat tanah runtuh di Jalan Ion Delemen, Genting Highlands berikutan hujan lebat, semalam.

Difahamkan, runtuhan tanah di lereng bukit itu dipercayai berlaku secara berperingkat-peringkat bermula jam 5 petang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Genting Highlands, Yusri Abdullah Sani berkata, pihaknya menerima panggilan jam 5:20 petang.

Katanya, dua jentera bersama 23 anggota termasuk bantuan dari BBP Bentong dikerah ke lokasi untuk memantau lokasi kejadian.

"Kejadian tanah runtuh itu menutupi keseluruhan laluan menuju ke hotel dan pangsapuri terbabit, namun tidak membabitkan laluan

utama ke pusat pelancongan Genting Highlands.

"Buat masa ini, kontraktor sedang melakukan pembersihan di laluan berkenaan," katanya ketika dihubungi, di sini.

Katanya, kejadian tanah runtuh itu juga tidak membabitkan kemalangan jiwa. Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Yusuf Unis ketika dihubungi mengesahkan kejadian.

"Kejadian itu tidak mengakibatkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda. Pihak pengurusan hotel turut bersama membersihkan laluan berkenaan," katanya.



LUMPUR memenuhi permukaan jalan.